

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(I)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB. SATEES A/L MUNIANDY**

20. PSDC telah muncul sebagai salah satu pusat kemahiran yang terkemuka di seluruh negara dengan majoriti penuntutnya dijamin pekerjaan di MNC.
- (a) Bolehkah Kerajaan Negeri menu buhkan satu Pusat Kemahiran bertaraf antarabangsa seperti PSDC di kawasan Butterworth?
 - (b) Jika ada pihak swasta, ataupun korporat yang ingin menu buhkannya, adakah Kerajaan Negeri akan sokong?

**YB. PROF. DR. P. RAMASAMY A/L PALANISAMY
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

20. Penang Skills Development Centre (PSDC) dibangunkan bagi menangani isu pembangunan sumber manusia kurang berkemahiran di Pulau Pinang dengan menyediakan pembelajaran melalui program latihan. Program latihan yang dianjurkan adalah bertujuan untuk menyediakan sumber manusia yang mempunyai kemahiran yang diperlukan dalam pasaran pekerjaan.
- (a) Bagi tujuan pembangunan kemahiran yang diperlukan untuk masa kini, Kerajaan Negeri telah menu buhkan Penang STEM dan Penang Science Cluster bagi menyediakan sumber manusia mempunyai kemahiran tinggi bagi menghadapi revolusi industri 4.0. Selain itu, terdapat juga institut pembangunan kemahiran sedia ada di Pulau Pinang seperti Northern Skills Development Centre, Pusat Latihan Kemahiran KEMAS, Institut Kemahiran Tinggi PERDA dan sebagainya. Mengambil

kira situasi ini, Kerajaan Negeri pada masa kini, tiada perancangan untuk membangunkan pusat kemahiran seperti PSDC di Butterworth. Namun begitu, sekiranya terdapat keperluan mendesak, Kerajaan Negeri akan melihat pembangunan pusat kemahiran tambahan di Pulau Pinang yang bersesuaian dengan kehendak pasaran atau industri.

- (b) Kerajaan Negeri menyokong sepenuhnya sebarang inisiatif daripada pihak swasta demi kebaikan rakyat dan kemajuan negeri Pulau Pinang. Sekiranya terdapat pihak swasta atau korporat yang ingin menubuhkan pusat kemahiran seumpama PSDC, maka, entiti tersebut perlu mematuhi peraturan-peraturan permohonan yang sedang berkuatkuasa. Kerajaan Negeri perlu meneliti permohonan yang dikemukakan oleh pihak swasta atau korporat dari segi pelbagai aspek sebelum memberikan kelulusan atau sokongan.